

**AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA`AH DALAM KARYA AKIDAH ULAMA  
MELAYU: TINJAUAN KARYA SHEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI**

Oleh:

Faizuri bin Abd Latif<sup>1</sup>

**ABSTRAK**

*Sheikh Zainal Abidin al-Fatani atau lebih dikenali Tuan Minal merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang aktif mengarang karya berkaitan akidah. Nama beliau berada sebaris dengan tokoh-tokoh ulama Melayu abad ke-18 dan 19. Beliau dilahirkan di Kampung Bendang Badang, Patani dan meninggal dunia dalam lingkungan tahun 1913M di Permatang Sungai Dua, Pulau Pinang. Sheikh Zainal Abidin al-Fatani bukan sahaja mengarang kitab-kitab agama, malah menghasilkan karya dalam pelbagai genre ilmu, namun karya berkaitan akidah lebih mendominasi berbanding karya lain. Artikel ini akan meneliti pemikiran Sheikh Zainal Abidin al-Fatani tentang pegangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berdasarkan kitab akidah karangan beliau. Peringkat awal penelitian akan dilakukan dalam memahami pemikiran ulama Melayu tentang fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah. Berdasarkan penelitian yang dibuat mendapati bahawa beliau sebagaimana ulama Melayu lain menjadi pendokong kuat kepada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah beraliran al-Asyairah yang menjadi tunjang akidah umat Islam di Nusantara. Beberapa kitab akidah beliau menjadi bukti keutuhan pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dalam kerangka pemikiran ulama Melayu sejak beberapa dekad yang lalu.*

*Kata Kunci: Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani, Karya Ulama Melayu, Nusantara*

**PENDAHULUAN**

Asia Tenggara khasnya Alam Melayu, adalah kawasan yang didiami oleh sebahagian besar umat Islam di dunia. Mengikut sejarah perkembangan umat Islam di rantau ini, sejak awal lagi mereka merupakan penganut agama Islam yang berpegang teguh kepada manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang memiliki ciri-ciri kesederhanaan dalam memahami agama dan sangat membenci keganasan dan sifat yang extreme. Samada dari segi akidah, tasawuf atau feqah mereka berpegang teguh dengan pandangan ulama Ahl al-Sunnah seperti al-Syafi'i dalam bidang feqah, al-Asy'ari dalam akidah dan al-Ghazzali dalam aspek tasawuf dan lain-lain lagi.

---

<sup>1</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah bermaksud golongan yang berpegang teguh kepada asas akidah dan manhaj Islam berdasarkan pegangan Islam yang dirintis oleh ulama Salaf yang beriltizam dengan sunnah Rasulullah (*s.a.w.*) Mereka yang sentiasa memelihara jamaah muslimin (*al-sawad al-a`zam*) secara berterusan kepada setiap generasi, bermula daripada jamaah Rasulullah (*s.a.w.*) yang terdiri daripada para sahabat.<sup>2</sup> Mereka juga dikenali sebagai golongan (*al-najiah*) iaitu terselamat daripada kesesatan. Terkeluar daripada golongan ini ialah mereka yang mengikut hawa nafsu dan menyeleweng daripada sunnah Rasulullah (*s.a.w.*) dan ijma` ulama seperti Syi`ah, Rafidah, Khawarij, Qadariyyah, Murjiah dan sebagainya.<sup>3</sup> Justeru, artikel ini akan meneliti pemikiran Sheikh Zainal Abidin al-Fatani tentang Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dalam karya-karyanya, dan sejauhmanakah fahaman ini mampu menjana ke arah perpaduan ummah di Nusantara.

### **BIODATA SHEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI**

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani tergolong dalam kalangan tokoh ulama Melayu Patani yang terkenal selepas daripada Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sheikh Nik Dir al-Fatani. Nama penuh beliau ialah Zainal `Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Jaafar, namun beliau lebih terkenal dengan gelaran “Tuan Minal”.<sup>4</sup> Beliau dilahirkan di Kampung Bendang Badang, iaitu sebuah kampung yang terletak di lembangan Sungai Patani, berdekatan dengan Pekan Binjai Lama yang terletak di tengah-tengah perjalanan antara Bandar Patani dengan Bandar Yala, Thailand.<sup>5</sup>

Sheikh Zainal Abidin al-Fatani mendapat pendidikan secara informal di madrasah kampung beliau sendiri, memandangkan pada zaman tersebut pusat pengajian pondok menjadi pilihan utama muda-mudi yang berminat terhadap pendidikan agama. Berbekalkan keazaman dan kesedaran yang tinggi untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan agama, beliau telah mengambil inisiatif untuk meneruskan lagi pengajian di

---

<sup>2</sup> Mohd Ziadi Abdullah (2000), *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Kuala Lumpur: Syathariyah Niagajaya, h. 80-82

<sup>3</sup> Dr. `Abd Al-Mun`im (1993), *Mawsu`ah al-Firaq wa al-Jama`at wa al-Madhahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Rasyad, h. 75

<sup>4</sup> Gelaran ini dikatakan mempunyai kaitan dengan peristiwa Tuan Minal dengan muridnya, di mana apabila beliau merasa marah atau rungsing terhadap murid-muridnya beliau akan membaca surah *al-Nas*. Apabila sampai kepada ayat *min al-jinnati wa al-nas* beliau meninggikan suaranya. Semakin kuat rasa marahnya, semakin tinggilah tekanan suaranya terhadap ayat tersebut. Ekoran seringkali menyebut ayat tersebut, maka lama kelamaan melekatlah kalimah *min al-jinnah* menjadi gelarannya. Kemudian kalimah tersebut disingkatkan menjadi “minal”. Wan Muhamad Shaghir Abdullah, (1991), *Zainal Abidin al-Fatani*, Majalah Dakwah, April, hal. 16; Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama Besar Dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 71.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h .64. Menurut catatan yang dibuat oleh Hj. Yusuf bin Hj. Mustafa Bandar Fatani, Tuan Minal dilahirkan di Kampung Kerisik atau Angkro dalam Jajahan Patani. Al-Haji Yusuf bin al-Haji Mustafa Bandar Patani (1991), *Sejarah Dan Silsilah Keturunan Tuan Minal*, (t.tp), h. 1. Manakala menurut Hj. Wan Mohd Saghir, beliau berasal dari Kampung Anak Ru Patani. Wan Mohd Saghir Abdullah (2007), *Tuan Minal al-Fatani, Karangannya Rujukan Ulama Melayu*, dalam Wan Mohd Saghir Abdullah, *Ulama Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, h. 137.

pusat pengajian pondok. Pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah pondok Bendang Daya. Semasa berada di pondok ini, beliau berkesempatan belajar dengan beberapa tokoh ulama pondok yang terkenal pada waktu itu seperti Sheikh Wan Mustafa bin Muhammad Faqih al-Patani @ Tok Wan Pa yang merupakan pengasas pondok tersebut,<sup>6</sup> dan Sheikh Abdul Rashid al-Fatani yang terkenal dengan gelaran “Keramat Pulau Bidan”. Di samping itu, Tuan Minal turut berkesempatan belajar ilmu Usuluddin dengan Syaikh Muhammad Thayyib bin Mas’ud al-Banjari al-Qadhi (Kedah).<sup>7</sup>

Berbekalkan keazaman yang tinggi untuk menambah ilmu pengetahuan, Tuan Minal sekali lagi menyambung pelajaran ke luar negeri. Kali ini pusat pengajian yang menjadi pilihan beliau ialah di Masjid al-Haram, Mekah. Pada waktu itu, pengajian di Masjid al-Haram lebih terkenal sebagai pusat pendidikan sama ada secara formal atau tidak, dan telah dikunjungi oleh ramai bangsa Melayu bagi menimba ilmu agama untuk dunia dan akhirat.<sup>8</sup> Ketika berada di Mekah beliau sempat menimba ilmu dengan beberapa tokoh ulama Arab dan Patani yang terkenal pada waktu itu, antaranya seperti Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasb Allah al-Makki, Sheikh Wan Ali bin Ishak al-Fatani, Sheikh Abdullah bin Abd al-Rahim al-Fatani dan lain-lain lagi.<sup>9</sup> Di samping turut berguru dengan Sheikh Daud al-Fatani.<sup>10</sup> Tuan Minal tidaklah bermastautin lama di Mekah seperti rakan-rakannya yang lain yang terus bermukim di sana. Kenyataan ini berdasarkan ramai di kalangan ulama Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah. Ini kerana setelah selesai menuntut ilmu beliau tidak menetap lebih lama di sana, bahkan terus pulang ke tanahair.<sup>11</sup> Keputusan yang dibuat bukanlah bertujuan melaikkan diri daripada tanggungjawab terhadap masyarakat, tetapi ekoran daripada percaturan politik dan tekanan yang berterusan daripada kerajaan Thailand terhadap masyarakat Islam yang tidak memungkinkan Islam mampu disebarluaskan dengan selamat. Antara ulama Patani yang mengambil inisiatif untuk terus bermukim di Mekah ialah seperti Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Nik Dir al-Fatani, Tok Sengora, Sheikh Wan Ahmad bin Wan Muhamad Zin al-Fatani, Tok Gudang, Sheikh Nik Mat Kechik al-Fatani dan lain-lain lagi.

---

<sup>6</sup> Sheikh Haji Wan Mustafa al-Fatani dilahirkan tahun 1160 H/ 1747-8 M di Kampung Bendang Daya, Patani. Beliau merupakan anak Wan Muhamad al-Fatani, merupakan seorang ulama Patani yang masyhur pada zamannya. Pernah diberikan gelaran sebagai “Hulubalang kepada Sultan Fathani Darus Salam”, “Hulubalang Wan Pa” dan “Datuk Panglima Kaya”. Sheikh Wan Mustafa dikatakan mempunyai empat orang anak lelaki, dan semuanya berjaya menjadi ulama yang berkaliber. Anak-anak beliau ialah Sheikh Wan Muhamad Zin, Sheikh Wan Abdul Kadir, Sheikh Wan Abdul Latif dan Sheikh Wan Daud. Ahmad Fathy al-Fatani, (2002) *op.cit*, h. 20; H.M. Bedjo Santoso (2006), Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa, dalam Farid Mat Zain, et.al. (eds) *Nadwah Ulama Nusantara III*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 244.

<sup>7</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (2007), *op.cit*, h. 137.

<sup>8</sup> Che Zarrina Sa’ari (2001), Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah Di Negeri Kelantan Darul Naim, dalam *Jurnal AFKAR*, bil.2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, h. 62.

<sup>9</sup> Mohd Zamberi A. Malik, (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 120

<sup>10</sup> Wan Muhamad Saghir Abdullah (2007), *op.cit*, h. 137-138

<sup>11</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *op.cit*, hal. 64

Sepanjang hayatnya Sheikh Zainal Abidin al-Fatani telah menghasilkan banyak karya untuk tatapan generasi akan datang, namun karya berkaitan akidah paling mendominasi berbanding aspek lain. Antara karya akidah beliau yang terkenal ialah *'Aqidah al-Najin* yang masih lagi dijadikan teks pengajian di pondok-pondok Malaysia dan Patani. Selain karya tersebut terdapat beberapa karya akidah lain seperti *Kasyf al-Ghaibiyat*, *Miftah al-Murid fi 'Ilm al-Tawhid* dan *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad*. Manakala karya yang bukan akidah seperti *Kasyf al-Litham 'an Asilah al-Anam*, *Tabassum al-Syaribin* dan *Faedah*.

### **AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH DALAM PEMIKIRAN ULAMA MELAYU**

Dalam persoalan akidah, ulama Melayu turut tidak terlepas daripada terpengaruh dengan beberapa aliran pemikiran yang berkembang pada zaman mereka. Antara aliran akidah yang berkembang pada waktu itu terdiri daripada Asya'irah, Maturidiah, Syi'ah dan lain-lain.

Meskipun terdapat banyak aliran yang tersebar pada zaman tersebut, namun pemikiran tauhid ulama Islam di Alam Melayu lebih cenderung berpegang kepada mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Atau lebih tepat cenderung kepada ajaran Abu al-Hasan al-Ash'ari pengasas aliran ini<sup>12</sup>.

Penelitian terhadap beberapa karya akidah ulama Melayu mendapati ramai pengarang yang menjelaskan bahawa karya mereka adalah berdasarkan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, selain menggesa agar berpegang dengan aliran tersebut. Antara karya yang menjelaskan tentang perkara tersebut ialah *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad* yang menyebut,

“ Maka datang ia dengan kepujian Allah Ta‘ala ‘aqidah yang elok cahayanya lagi yang mengandungkan *i’tiqad* Ahl al-Sunnah dan ketetapan penunjuk yang diam pada hati orang yang mukmin....”<sup>13</sup>.

Kitab *Faridah al-Fara'id* pula menjelaskan,

“ ...inilah suatu risalah pada menyatakan *i’tiqad* bagi kaum yang kelepasan mereka itu daripada sesat, dan mereka itulah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, yakni ahli yang mengikut jalan nabi (*s.a.w.*) dan Khulafa' al-Rasyidin...”<sup>14</sup>.

Pengarang kitab *al-Jawahir al-Saniyyah* turut menggalakkan agar berpegang dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, kerana ia merupakan satu-satunya akidah yang benar sebagaimana katanya,

<sup>12</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka , h. 38

<sup>13</sup> Zainal Abidin al-Fatani (t.t), *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad*, Patani: Matba'ah Bin Halabi, h. 2

<sup>14</sup> Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani (t.t), *Faridah al-Faraaid fi 'Ilm al-'Aqaid*, Patani: Matba'ah Bin Halabi, h. 2

“ Hendaklah kita lazim mengikut jalan Ahl al-Sunnah iaitu *tariqah* yang dijalan oleh Ahl al-Salaf yang salih dahulu, iaitu *tariqah Khulafa’ al-Rasyidin* yang mengambil daripada Qur'an dan daripada nabi (*s.a.w.*) pada perbuatannya dan perkataannya dan kelakuannya. Dan daripada Khulafa’ yang kemudian daripada nabi (*s.a.w.*)...”<sup>15</sup>.

Di samping itu, terdapat sesetengah pengarang yang tidak menyatakan secara terang dokongan terhadap mana-mana fahaman dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah, memandangkan mereka lebih memfokuskan kepada beberapa isu penting dalam akidah seperti perbahasan sifat 20, kenabian, *sam’iyat* dan tasawwuf. Meskipun mereka tidak menjelaskan secara terang aliran yang didokong, tetapi berdasarkan keyakinan mereka terhadap perbahasan sifat 20 yang menjadi teras akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah dan pelopornya merupakan pendokong aliran Asya’irah menyerlahkan lagi aliran sebenar mereka. Di samping itu, terdapat beberapa pengarang kitab jawi yang mengiktiraf bahawa Abu Hasan al-Ashari merupakan pengasas sebenar ilmu Usuluddin sebagaimana yang dipetik daripada kata-kata Sheikh Ahmad bin Muhammad al-Suhaimi yang membincangkan sepuluh prinsip ilmu tauhid,

“(Dan *wadi’nya*) yakni orang yang pertama-tama menghantarkan dia itu yaitu Abul Hasan al-Ash’ari....”<sup>16</sup>

Kenyataan di atas menjelaskan tentang salah satu prinsip penting yang perlu diketahui bagi mereka yang ingin menceburi bidang ilmu Usuluddin. Kefahaman terhadap pengasasnya mampu menyelamatkan seseorang daripada mengambil sesuatu ilmu bukan daripada sumber yang sebenar. Bagi mereka pengasas sebenar ilmu Usuluddin ialah Abu Hasan al-Ash’ari.

Penentangan dan penolakan ulama Melayu terhadap beberapa pandangan yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah seperti golongan Syi’ah, Mu’tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah dan lain-lain menyerlahkan aliran sebenar mereka. Kenyataan tentang perkara ini telah dijelaskan dalam beberapa karya ulama Melayu seperti *Siraj al-Huda* yang menolak pandangan Mu’tazilah yang dianggap mirip pandangan Qadariyyah yang menyifatkan perbuatan manusia adalah berpunca daripada mereka sendiri sebagaimana katanya,

“...bersalahnya bagi segala Mu’tazilah yang dikatakan orang akan mereka itu Qadariyyah yang berkata segala mereka itu bahawasanya segala perbuatan yang *ikhtiariyyah* (pilihan) yang nyata pada segala hamba itu hamba yang membuat akan dia daripada tiada kepada ada, tetapi dengan *qudrat* yang telah dijadikan oleh Allah Ta’ala....”<sup>17</sup>,

---

<sup>15</sup> Daud al-Fatani (t.t), *Al-Jawahir al-Saniyyah*. Singapura: Pustaka Nasional, h. 35.

<sup>16</sup> Sheikh Daud al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamin*, Fatani: Matba’ah Bin Halabi, h. 3

<sup>17</sup> al-Sambawi (t.t), *Siraj al-Huda*. Kota Baharu: Cahaya Purnama, h. 12

Selain daripada karya akidah yang cenderung kepada fahaman al-Ash`ariyyah, khususnya yang bersumberkan *Umm al-Barahin*, terdapat beberapa karya akidah yang berasaskan aliran al-Maturidi yang tersebar di Alam Melayu. Antara ulama Melayu silam yang terpengaruh dengan aliran al-Maturidi ialah Sheikh Nur al-Din al-Raniri. Ini terbukti melalui usaha beliau menterjemah *Kitab Syarh al-'Aqa'id al-Nasafiyyah* karangan Sa'd al-Din al-Taftazani yang diberi judul *Durrah al-Fara'id fi 'Aqaid Ahl al-Tawhid* yang dikarang antara tahun 1634-1635<sup>18</sup>. Selain itu, karya beliau yang bertajuk *Hidayah al-Imam* turut terpengaruh dengan aliran al-Maturidi. Buktinya dalam karya tersebut, beliau turut mengupas tentang permasalahan *dhat*, sifat dan perbuatan Allah (*s.w.t.*) serta kebenaran Rasul. Dalam perbahasan *dhat* dan sifat Allah (*s.w.t.*) beliau telah terbawa-bawa dengan pembahagian *sifat ma'ani* dan *ma'nawiyyah* di samping sifat-sifat lain yang merupakan pengaruh daripada aliran al-Maturidi<sup>19</sup>.

### **AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMAAH MENURUT SHEIKH ZAINAL ABIDIN AL-FATANI**

Menjadi kebiasaan kepada mana-mana karya mempunyai kecenderungan terhadap sesuatu aliran atau mazhab. Situasi yang sama turut berlaku kepada karya-karya ulama Melayu yang turut terpengaruh dengan beberapa aliran pemikiran yang berkembang pada zaman mereka. Fahaman yang sering menjadi pegangan sebahagian besar ulama Melayu ialah aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah<sup>20</sup>. Ini berdasarkan keterangan jelas dalam karya-karya mereka. Perkara sama turut berlaku kepada Sheikh Zainal Abidin al-Fatani yang merupakan salah ulama Melayu Patani terkenal yang turut tergolong dalam kalangan ulama yang cenderung kepada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kenyataan ini disokong oleh beberapa faktor, pertamanya berpandukan kenyataan yang tercatat di muka hadapan karyanya *'Aqidah al-Najin* yang menyebut,

“ Ini kitab bernama *'Aqidah al-Najin fi 'Ilm Usul al-Din*, ertiya *'itiqad* segala orang yang kelepasan daripada sesat dan bid'ah pada bicara ilmu usuluddin, atas mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan Bahasa Melayu karangan al-'Alim al-'Allamah al-Fahhamah al-Sheikh Zayn al-'Abidin bin Muhammad al-Fatani....”<sup>21</sup>.

Kenyataan di atas menjelaskan status sebenar aliran yang dipegang oleh beliau iaitu akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berpegang dengan aliran ini dilihat mampu membentras sebarang bentuk kesesatan dan perkara bid'ah yang berleluasa dalam masyarakat.

<sup>18</sup> Mohd Fauzi Hamat (2004), Sumbangan Pengajaran Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas, dalam *Jurnal Afsar*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, bil 5, h. 38

<sup>19</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Islam Di Nusantara Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 107

<sup>20</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 41.

<sup>21</sup> Kenyataan ini boleh didapati pada muka hadapan *Kitab 'Aqidah al-Najin*.

Bukan sekadar itu sahaja, bahkan dalam karyanya yang lain sekali lagi Sheikh Zainal Abidin al-Fatani menyeru agar sentiasa berpegang teguh dengan aliran tersebut. Ini berdasarkan kenyataan yang dikemukakan beliau dalam Kitab *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad* yang menyebut,

“ Maka inilah suatu risalah pada menyatakan *i'tiqad* bagi kaum yang kelepasan mereka itu daripada sesat, dan mereka itulah Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah, yakni ahli yang mengikut akan jalan Nabi (*s.a.w.*) dan Khulafa' al-Rasyidin yang kemudian daripada Nabi. Hai saudaraku hendaklah engkau bersungguh-sungguh oleh kamu pada memelihara iman kamu dan agama kamu daripada tiap-tiap yang membinaaskan keduanya, dan hendaklah kamu sahkan *i'tiqad* kamu dengan barang yang dii'tiqadkan dia oleh Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah yang tiada syubhah dan bid'ah padanya sekali-kali”<sup>22</sup>.

Oleh kerana pengarangnya merupakan pendokong kepada aliran ini, maka pastinya beliau tidak akan merujuk melainkan kepada karya yang benar-benar menjurus kepada aliran tersebut. Justeru, beliau telah memilih Kitab *Umm al-Barahin* karangan Imam al-Sanusi untuk dijadikan sumber terjemahan dan adaptasi, kerana al-Sanusi juga tergolong dalam kalangan pendokong fahaman Ahl al-al-Sunnah wa al-Jama`ah beraliran (Asha'irah)<sup>23</sup>.

Pemilihan Sheikh Zainal Abidin al-Fatani terhadap aliran ini, bukanlah berpijak atas dasar taqlid semata-mata atau kekaguman terhadap mana-mana tokoh, bahkan ianya berpaksikan keyakinan terhadap kebenaran aliran ini yang sederhana dan tidak bertentangan dengan logik akal<sup>24</sup>. Dalam kitab *'Aqidah al-Najin*, beliau telah berusaha bersungguh-sungguh mempersembahkan sesuatu yang terbaik dengan mengemukakan pelbagai pandangan dari aliran yang berbeza agar dapat dianalisis secara adil dan telus. Beliau turut mengemukakan beberapa pandangan dari golongan yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah seperti Mu'tazilah, Jabariyyah, Qadariyyah dan lain-lain. Tujuan beliau berbuat demikian adalah untuk membuat penganalisaan secara adil terhadap aliran yang paling sesuai dan layak untuk dijadikan pegangan dan ikutan. Dalam kebanyakan situasi apabila dibuat perbandingan dan penilaian antara aliran tersebut, maka kebiasaan pendapat Ahl al-Sunnah dilihat paling logik dan sesuai digunakan sebagai *i'tiqad*. Contohnya dalam persoalan perbuatan Allah (*s.w.t.*) (*af'al Allah*), beliau telah mengemukakan beberapa pandangan seperti Mu'tazilah, Jabariyyah dan Ahl al-Sunnah, namun pandangan yang paling diterima dan sederhana (*wasatiyyah*) adalah aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah sebagaimana katanya,

“.....(dan ketiga) Ahl al-Sunnah. Maka adalah *i'tiqad* mereka itu pertengahan sekira-kira berkata mereka itu dengan bahawa hamba itu tiada menjadikan ia akan perbuatannya, tetapi baginya pada *fi'l* itu usaha dan ikhtiar. Dan sebaik-

<sup>22</sup> Zainal 'Abidin Muhamad al-Fatani (t.t) *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad*, Thailand: Matba'ah Bin Halabi, h. 2.

<sup>23</sup> Ini kerana al-Sanusi dalam banyak kenyataannya menolak pandangan Mu'tazilah, dan menerima fahaman Asha'irah yang merupakan sebahagian daripada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah.

<sup>24</sup> Zainal 'Abidin Muhamad al-Fatani (t.t), *'Aqidah al-Najin*. Patani: Matba'ah Bin Halabi. h.13

baik pekerjaan itu pertengahan yaitu Ahl al-Sunnah, kerana bahawasanya keluar ia daripada tahi dan darah itu air susu yang *khalis* lagi lazat bagi yang meminum akan dia”<sup>25</sup>.

Di samping itu, Sheikh Zainal Abidin al-Fatani berpendapat seseorang itu tergolong dalam kategori jahil sekiranya tidak dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan seperti fahaman Ahl al-Sunnah dengan Jabariyyah dan Qadariyyah, ini kerana kebatilan Jabariyyah dan Qadariyyah adalah jelas dan nyata kepada golongan yang menggunakan akal fikiran dengan sebaik-baiknya, sebagaimana katanya;

“ ...jahil itu orang yang tiada mengenal akan *i'tiqad* yang sebenar seperti tiada dapat dibezaannya *i'tiqad* Ahl al-Sunnah dan antara *i'tiqad* Jabariyyah dan Qadariyyah... ”<sup>26</sup>.

Pada hakikatnya kebenaran sukar dibuktikan sekiranya penilaian yang dibuat atas dasar kejahilan, kerana tanpa ilmu pengetahuan yang mencukupi sukar untuk menemui kebenaran yang hakiki. Meskipun beliau berpegang dengan fahaman Ahl al-Sunnah yang terkandung di dalamnya beberapa aliran seperti Asha'irah dan Maturidiyyah, namun dalam kebanyakan situasi beliau lebih cenderung kepada fahaman Asha'irah, seperti dalam persoalan perbezaan pandangan antara al-Asha'irah dan Maturidiyyah dalam menentukan bilangan *sifat ma'ani*. Berhubung persoalan ini beliau lebih cenderung kepada pandangan Asha'irah yang membahagikan sifat tersebut kepada tujuh sifat, seperti katanya:

“(Maka kata) *musannif* tujuh sifat, yakni daripada sisi Asha'irah, dan adapun disisi Maturidiyyah maka *sifat ma'ani* itu lapan sifat kerana bahawasanya mereka itu menambah oleh mereka itu atas bilangan yang lagi akan datang akan *sifat takwin*, maka ia disisi mereka itu sifat yang *qadim* yang berdiri dengan *dhat* Allah Ta'ala dengan dialah mengadakan dan meng‘adamkan dan yaitu dikehendaki disisi mereka itu daripada *sifat af'al*, kerana bahawa mereka itu berkata mereka itu jika lau *ta'alluq sifat takwin* itu sebagai menjadikan dinamakan dia *Khalqan*, dan jika lau *ta'alluq* ia dengan memberi rezeki dinamakan dia “*Rizqan*” dan jika lau *ta'alluq* ia dengan menghidupkan dinamakan dia “*Ahya'un*” dan demikianlah engkau kias. Dan atas *qawl* ini maka adalah segala sifat *fi'l* itu *qadim*. Dan yang *rajihnya* mazhab Asya'irah daripada ketiadaan bertambah demikian *sifat ma'ani* itu daripada tujuh..... dikata orang pada mazhab Maturidiyyah apabila adalah sifat takwin

---

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 56. Dalam persoalan ini Mu'tazilah berpendapat manusia yang mencipta perbuatannya yang ikhtiar. Manakala Jabariyyah pula berpendapat bahawa tiada sebarang usaha daripada manusia, bahkan semuanya adalah paksaan daripada Allah (*s.w.t.*). Bagi Ahl al-Sunnah manusia tidak mencipta perbuatannya, tetapi pada perbuatannya terdapat usaha dan ikhtiar. Berdasarkan ketiga-tiga pandangan tersebut, pandangan Ahl al-Sunnah dilihat paling sederhana kerana berada di pertengahan antara pandangan Mu'tazilah dan Jabariyyah.

<sup>26</sup> Zainal 'Abidin al-Fatani (t.t), *op.cit*, h. 86

itu dengan dia mengadakan dan meng`adamkan, maka apalah pekerjaan *Qudrah* pada *i'tiqad* mereka ”<sup>27</sup>.

Berdasarkan kenyataan di atas jelas menggambarkan bahawa Sheikh Zainal Abidin tidak bersikap taaksub kepada mana-mana golongan, melainkan hujah yang dikeluarkan menepati logik akal dan tidak bertentangan dengan dalil naqli. Lantaran itu, beliau melontarkan persoalan apakah keperluan sifat Takwin, sedangkan telah ada sifat *Qudrah* yang telah mengambil peranan tersebut.

Selain itu, apabila berlaku pertembungan pemikiran antara golongan Salaf dan Khalaf dalam persoalan pentakwilan ayat-ayat *mutasyabihah*, Sheikh Zainal Abidin lebih cenderung kepada fahaman Khalaf, namun tidak menolak pandangan Salaf. Bagi golongan Salaf, mentakwil ayat-ayat *mutasyabihah* adalah suatu tegahan, manakala golongan Khalaf mentakwilkan ayat-ayat tersebut adalah bertujuan menyucikan Allah (*s.w.t.*) daripada menyerupai makhluk. Dalam situasi ini beliau berpendapat bahawa pandangan Khalaf adalah lebih teguh, jelas dan paling rajih kerana mampu menjawab hujah musuh Islam, manakala pandangan Salaf adalah lebih selamat kerana berhati-hati meletakkan sebarang maksud yang dibimbangi bertentangan dengan hakikat sebenar yang dikehendaki oleh Allah (*s.w.t.*), sebagaimana katanya,

“... (Dan bermula) *tariqah* Khalaf itu terlebih mengetahui dan terlebih teguh kerana barang yang padanya bertambah *wadih* dan *radd* atas *khusum* dan yaitu terlebih rajih. Kerana inilah didahulu oleh *nazim* akan dia. Dan bermula *tariqah* Salaf itu terlebih selamat kerana barang yang di dalamnya selamat daripada menta`yinkan maknanya terkadang ada ia bukan *murad* bagi Allah Ta`ala. Maka zahir daripada barang yang ditaqrirkan itu *muwafaqah* oleh Salaf. Dan Khalaf menyucikan Allah Ta`ala daripada makna yang mustahil yang menunjukkan atasnya.....”<sup>28</sup>.

Berdasarkan kenyataan di atas maka jelas bahawa aliran yang didokong oleh Sheikh Zainal Abidin al-Fatani ialah fahaman ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah yang bermazhab al-Asha`irah. Dokongan terhadap aliran ini berdasarkan kekuatan hujah yang dikemukakan bagi membuktikan kebenaran aliran tersebut.

## KESIMPULAN

Berdasarkan penelitian terhadap aliran-aliran yang mendominasi pemikiran ulama-ulama Nusantara, didapati kebanyakan mereka lebih cenderung kepada fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah beraliran al-Asha`irah. Ini kerana aliran ini lebih bersifat *wasatiyyah* (sederhana) dan menepati naluri masyarakat Melayu yang cintakan keamanan. Meskipun terdapat dalam kalangan mereka yang berpegang dengan aliran al-Asha`irah dan al-Maturidiyyah, namun kedua-dua aliran tersebut merupakan sebahagian daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. Situasi yang sama turut berlaku kepada Sheikh

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 24

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 49

Zainal Abidin al-Fatani yang menjadi pendokong kuat kepada fahaman al-Asha'irah yang diterjemahkan melalui kitab karangan beliau. Dokongan beliau terhadap aliran ini adalah berpaksikan kesederhanaan dan kekuatan hujah yang diketengahkan oleh fahaman tersebut.

## **BIBLIOGRAFI**

- 1) Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Islam Di Nusantara Sejarah Dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- 2) Abdul Rahman Haji Abdullah (1997), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Jakarta: Gema Insani Press
- 3) Abdul Rahman Haji Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- 4) Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani (t.t), *Faridah al-Faraaid fi 'Ilm al-'Aqaid, Patani*: Matba'ah Bin Halabi
- 5) Ahmad Fathy al-Fatani (2002), *Ulama Besar Dari Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- 6) al-Sambawi (t.t), *Siraj al-Huda*. Kota Baharu: Cahaya Purnama
- 7) Che Zarrina Sa'ari (2001), Perkembangan Tarikat Ahmadiyyah Di Negeri Kelantan Darul Naim, dalam *Jurnal AFKAR*, bil.2, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam
- 8) Daud al-Fatani (t.t), *al-Durr al-Thamin*, Fatani: Matba'ah Bin Halabi
- 9) Daud al-Fatani (t.t), *Al-Jawahir al-Saniyyah*. Singapura: Pustaka Nasional
- 10) Dr. 'Abd Al-Mun'im (1993), *Mawsu'ah al-Firaq wa al-Jama'at wa al-Madhahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Rasyad
- 11) H.M. Bedjo Santoso (2006), Sheikh Ahmad al-Fatani dan Sumbangannya Terhadap Pengembangan Pemikiran Islam di Pulau Jawa, dalam Farid Mat Zain, et.al. (eds) *Nadwah Ulama Nusantara III*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- 12) Mohd Fauzi Hamat (2004), Sumbangan Pengajian Akidah Dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas, dalam *Jurnal Afkar*, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bil 5.
- 13) Mohd Zamperi A. Malik, (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- 14) Mohd Ziadi Abdullah (2000), *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*, Kuala Lumpur: Syathariyah Niagajaya
- 15) Wan Mohd Saghir Abdullah, *Ulama Dunia Melayu Yang diperkenalkan Dalam Utusan Malaysia*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah
- 16) Wan Muhamad Shaghir Abdullah, (1991), *Zainal Abidin al-Fatani*, Majalah Dakwah, April
- 17) Zainal 'Abidin Muhamad al-Fatani (t.t) *Irsyad al-'Ibad ila Sabil al-Rasyad*, Thailand: Matba'ah Bin Halabi
- 18) Zainal 'Abidin Muhamad al-Fatani (t.t), *'Aqidah al-Najin*. Patani: Matba'ah Bin Halabi